BAB 5

PROSPEK DAN DASAR PADA TAHUN 2016

115 Prospek Ekonomi Antarabangsa

118 Ekonomi Malaysia

126 *Rencana: Peralihan Ke Arah Teknologi Baharu, Meniti Arus Perubahan: Evolusi Industri Elektronik dan Elektrik (E&E) Malaysia*

129 Prospek Inflasi

131 Dasar Monetari

131 Dasar Fiskal

PROSPEK EKONOMI ANTARABANGSA

Pada tahun 2016, ekonomi global dijangka meningkat pada kadar yang sederhana. Walau bagaimanapun, prospek pertumbuhan masih terdedah kepada risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan yang ketara ekoran perkembangan dasar dalam ekonomi utama, ketidakpastian yang tinggi dalam hala tuju harga komoditi global, dan pelarasan pasaran kewangan yang mendadak. Pertumbuhan dalam ekonomi maju dijangka terus berkembang beransur-ansur dan tidak sekata. Meskipun dengan dasar monetari yang sangat akomodatif, ekonomi maju sedang mengalami keadaan kapasiti lebihan ekonomi yang lemah dan berpanjangan, berikutan isu-isu struktur yang belum selesai dan kelemahan dalam permintaan dalam negeri. Bagi ekonomi sedang pesat membangun, pertumbuhan diunjurkan pulih daripada kejutan permintaan luar negeri yang dialami pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan akan bergantung pada beberapa faktor, termasuk perkembangan harga komoditi, keadaan pasaran kewangan dan keupayaan ekonomi untuk membendung kelemahan dalam negeri yang semakin meningkat. Dalam persekitaran ini, aktiviti perdagangan global dijangka mencatat peningkatan yang sederhana sahaja. Gabungan rintangan dari luar dan dalam negeri akan menjadikan tahun 2016 lebih mencabar bagi pembuat dasar di seluruh dunia.

Ekonomi global akan bertambah baik pada tahun 2016 walaupun risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan masih ketara

Momentum pertumbuhan tidak sekata merentas ekonomi utama

Ekonomi **AS** dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil, disokong oleh penggunaan swasta yang terus meningkat. Penggunaan swasta, yang mencakupi kira-kira dua pertiga daripada KDNK, diunjurkan lebih kukuh disebabkan oleh keadaan pasaran pekerja

Rajah 4.1

Pertumbuhan: Dunia dan Ekonomi Maju Utama (2015-2016)



a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

yang menggalakkan dan kedudukan kewangan isi rumah yang bertambah baik. Khususnya, kelemahan pasaran pekerja semakin berkurang seperti ditunjukkan oleh trend menurun dalam bilangan pekerja sambilan yang memilih untuk bekerja sepenuh masa, dan bilangan pekerja yang ditempatkan sementara, termasuk pekerja tak giat. Pasaran pekerja yang terus bertambah baik dalam persekitaran harga tenaga yang rendah akan terus menyokong pertumbuhan dalam pendapatan individu benar, yang telah meningkat pada purata 4.1% pada tahun 2015 (purata 2003-2007: 3%). Trend ini memberikan limpahan positif terhadap pasaran perumahan. Harga rumah terus menunjukkan pemulihan yang berterusan, berikutan permintaan terhadap perumahan yang semakin pulih dalam keadaan penawaran yang semakin berkurang. Perkara ini memberikan sokongan kepada ekuiti rumah dan mengukuhkan kedudukan kewangan isi rumah. Bahagian pemilik rumah yang mempunyai baki hutang gadai janji yang lebih tinggi daripada nilai pasaran yang saksama kini kurang daripada separuh berbanding dengan jumlah tertinggi yang dicatat pada suku pertama tahun 2012. Pelaburan kediaman turut meningkat secara beransur-ansur, dengan pembinaan rumah keluarga tunggal terus menunjukkan trend menaik dan pembinaan rumah keluarga berbilang kekal

pada paras yang tinggi. Meskipun terdapat trend yang positif ini, kekuatan pemulihan ekonomi AS akan dipengaruhi oleh kelemahan dalam industri berkaitan tenaga dan sedikit sebanyak oleh limpahan daripada perkembangan pasaran kewangan dan sektor luaran negeri.

Pertumbuhan di **RR China** dijangka menjadi sederhana apabila permintaan dalam negeri menerima kesan segera daripada pelarasan struktur yang sedang dilaksana. Meskipun pertumbuhan mampan dalam sektor perkhidmatan terus menyokong ekonomi RR China, namun keadaan ini dijangka diimbangi oleh kelembapan sektor yang mempunyai lebihan kapasiti, seperti sektor perindustrian dan harta tanah. Selain itu, kemungkinan kemunculan semula ketidaktentuan pasaran kewangan akan menjejaskan sentimen serta menimbulkan risiko kestabilan kewangan dan pertumbuhan yang lebih perlahan. Berikutan cabaran ini, dasar dalam negeri dijangka kekal akomodatif untuk menyokong pertumbuhan. Sehingga kini, pembuat dasar di RR China telah mengumumkan pelbagai langkah, seperti pelaburan infrastruktur yang lebih tinggi, memastikan sektor berdaya maju dalam ekonomi mendapat akses kepada kredit yang berterusan, dan pengurangan cukai ke atas pembelian kenderaan dan rumah.

Rajah 4.2

Ekonomi Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar (2015 - 2016)



a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

Di **kawasan euro**, meskipun peningkatan aktiviti ekonomi secara beransur-ansur dijangka berterusan, kadar pemulihan dijangka tidak sekata merentas rantau itu. Dalam ekonomi teras seperti Jerman dan Perancis, aktiviti penggunaan swasta dijangka dipacu oleh pasaran pekerja yang bertambah baik dan keadaan kredit yang menggalakkan. Kadar pengangguran telah menurun kepada 10.9% (purata 2012-2014: 11.7%), manakala pertumbuhan kredit sektor swasta mula pulih walaupun secara beransur-ansur (2015: 0.7%; purata 2012-2014: -1.6%). Namun, prospek bagi sesetengah ekonomi yang terjejas oleh krisis masih lemah berikutan kemajuan yang perlahan dalam pembaharuan struktur dan pengurangan hutang awam. Keputusan dasar untuk terus melaksanakan pembaharuan struktur dan sektor kewangan, termasuk penyahkawalseliaan pasaran pekerja, pengurangan hutang awam, dan pembentukan kesatuan perbankan, akan terus menjadi elemen penting untuk menggalakkan keyakinan dan menyokong pemulihan ekonomi yang berterusan.

Aktiviti ekonomi di **Jepun** dijangka berkembang pada kadar yang amat sederhana. Pertumbuhan akan disokong terutamanya oleh rangsangan monetari dan fiskal. Yang ketara, Kabinet telah meluluskan belanjawan tambahan berjumlah ¥3.5 trilion (0.7% daripada KDNK nominal) untuk menyokong permintaan dalam negeri melalui peningkatan perkhidmatan kebajikan, pemberian bantuan wang tunai kepada pesara, dan pencepatan pembinaan semula kawasan yang musnah akibat gempa bumi dan tsunami pada Mac 2011. Bank of Japan telah menerima pakai dasar monetari yang lebih agresif. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan ini masih bergantung pada keberkesanan transmisi daripada langkah-langkah dasar ini kepada aktiviti ekonomi benar, kemajuan pembaharuan struktur, prospek pertumbuhan upah dan peningkatan perbelanjaan modal.

Pertumbuhan ekonomi di **Asia** diunjurkan bertambah baik pada tahun 2016, didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang serta pemulihan yang sederhana dalam permintaan luar negeri. Pertumbuhan diunjurkan lebih tinggi berbanding dengan tahun 2015 dalam kebanyakan ekonomi Asia. Aktiviti penggunaan swasta dijangka terus disokong oleh peningkatan pendapatan yang berterusan berikutan keadaan pasaran pekerja

yang menggalakkan, termasuk kenaikan upah minimum di beberapa ekonomi serantau. Inisiatif infrastruktur dijangka menyokong peningkatan perbelanjaan modal, khususnya dalam ekonomi ASEAN. Pelaksanaan langkah fiskal tambahan dalam beberapa ekonomi Asia, termasuk China Taipei, Thailand, Indonesia dan Korea, akan turut merancakkan aktiviti ekonomi dalam negeri. Langkah-langkah ini termasuklah sokongan kewangan untuk perniagaan kecil, pelaburan awam yang lebih tinggi dan rebat untuk menggalakkan pembelian barangan pengguna tahan lama.

Tekanan inflasi global akan kekal sederhana
Inflasi global dijangka kekal sederhana pada tahun 2016, mencerminkan tekanan penawaran dan permintaan yang lemah. Dari segi penawaran, risiko inflasi tolakan kos dijangka kekal terkawal, berikutan jangkaan harga komoditi global yang terus rendah. Di samping pertumbuhan yang sederhana dalam permintaan global, harga minyak mentah dijangka dipengaruhi oleh lebihan bekalan yang berterusan daripada anggota Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (Organisation of the Petroleum Exporting Countries, OPEC) dan bukan OPEC, pemulihan bekalan minyak dari Iran susulan penamatan sekatan ekonomi terhadap negara tersebut, serta pembatalan larangan eksport minyak AS. Harga makanan juga dijangka kekal sederhana berikutan hasil pengeluaran tanaman yang lebih tinggi dan inventori yang tinggi. Bagi komoditi berkaitan logam, permintaan yang lebih rendah dari beberapa ekonomi utama, termasuk RR China, akan terus memberi tekanan terhadap harga khususnya untuk tembaga, nikel, zink dan bijih besi.

Berikutan prospek yang sederhana bagi harga komoditi global, kadar inflasi keseluruhan dijangka kekal di bawah sasaran inflasi bank-bank pusat kebanyakan ekonomi maju dan sedang pesat membangun. Dalam kebanyakan ekonomi maju, tekanan inflasi asas dijangka lemah, mencerminkan lebihan kapasiti yang berterusan dan permintaan yang lemah dalam ekonomi ini. Dalam seluruh ekonomi sedang pesat membangun, inflasi diunjurkan menunjukkan trend yang berbeza-beza. Meskipun harga bahan api yang lebih rendah meredakan tekanan inflasi dalam kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun, beberapa ekonomi, termasuk Komanwel Negara-negara Merdeka, Amerika Latin, dan Timur Tengah, diunjurkan mengalami kadar kenaikan harga yang lebih cepat, ekoran penamatan subsidi dalam usaha mengukuhkan kedudukan fiskal. Selain itu, kesan ini mungkin diburukkan lagi oleh inflasi diimport, mencerminkan terutamanya kesan susut nilai mata wang yang ketara.

Risiko pertumbuhan ekonomi global menjadi lebih perlahan masih tinggi
Unjuran peningkatan dalam ekonomi global bergantung pada **risiko pertumbuhan** menjadi lebih perlahan yang ketara, dalam persekitaran pertumbuhan dan dasar yang sangat mencabar.

Walaupun pengimbangan semula ekonomi RR China diperlukan untuk beralih ke arah model pertumbuhan yang lebih mampan, proses ini berdepan cabaran daripada kelemahan dalam negeri, termasuk keberhutangan yang tinggi dan kapasiti berlebihan yang berterusan dalam beberapa sektor industri. Memandangkan peranan RR China semakin penting dalam ekonomi global serta hubungan perdagangan dan kewangan yang tersebar luas, potensi pertumbuhan ekonomi RR China yang jauh lebih sederhana daripada jangkaan akan memberikan kesan limpahan yang ketara terhadap aktiviti perdagangan global, sentimen pelabur dan harga komoditi.

Ketidakpastian harga komoditi utama akan terus mempengaruhi prospek pertumbuhan beberapa ekonomi besar. Yang penting, pelarasan menurun yang selanjutnya dalam harga komoditi akan menyebabkan prospek negara-negara pengeksport komoditi menjadi lebih lemah daripada jangkaan, di samping mewujudkan tekanan disinflasi dalam beberapa ekonomi.

Tindak balas yang ketara dalam pasaran kewangan global terhadap peralihan dasar monetari dalam ekonomi maju sepanjang dua tahun lalu mencerminkan kelemahan asas dalam fasa pemulihan semasa, dan kesanggupan mengambil risiko kewangan keseluruhan yang didorong oleh pencarian hasil. Melangkah ke hadapan, tingkah laku pelabur akan terus dipengaruhi oleh perbezaan dalam dasar monetari ekonomi utama. Peningkatan ketidaktentuan pasaran kewangan yang berlaku berikutan peralihan besar dalam mudah tunai global mungkin memberikan kesan kepada keadaan pembiayaan, dan dengan itu, mempengaruhi prospek pertumbuhan. Tambahan lagi, ketegangan geopolitik yang bertambah buruk di beberapa wilayah boleh

menjejaskan sentimen dengan ketara dan mengalihkan tumpuan pembuat dasar daripada pengukuhan asas-asas ekonomi.

Bagi Asia, tahap ketidakpastian yang tinggi dalam persekitaran luar akan terus mewujudkan ketidaktentuan yang tinggi dalam pasaran kewangan dan mata wang domestik. Sehingga kini, pengantaraan kewangan dalam kebanyakan ekonomi Asia tidak terjejas. Malah terdapat ruang yang lebih daripada mencukupi untuk pembuat dasar melaksanakan dasar kitaran balas jika keadaan memerlukannya. Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh langkah-langkah dasar yang dilaksanakan sedekad yang lalu untuk mengukuhkan asas-asas makroekonomi dan memelihara kestabilan kewangan. Melangkah ke hadapan, Asia terus berdepan cabaran daripada persekitaran dalam dan luar negeri yang memerlukan penyesuaian semula dasar secara aktif di samping mengekalkan usaha pembaharuan struktur untuk menyokong prospek pertumbuhan jangka sederhana.

EKONOMI MALAYSIA

Landskap ekonomi dan kewangan antarabangsa yang mencabar dijangka menjadi faktor utama yang akan mempengaruhi prospek ekonomi Malaysia pada 2016. Kekukuhan pertumbuhan ekonomi global dan trajektori harga minyak global akan mempunyai implikasi penting terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Ekonomi Malaysia juga terus dipengaruhi oleh prospek pertumbuhan rakan perdagangan utamanya, keadaan dalam pasaran kewangan serta tahap keyakinan pelabur dan pengguna.

Namun begitu, Malaysia mempunyai kedudukan yang kukuh untuk menghadapi cabaran ini, dengan disokong oleh struktur dalam negeri yang pelbagai, asas-asas ekonomi yang kukuh dan fleksibiliti dasar. Pertumbuhan akan terus diterajui oleh permintaan dalam negeri. Pengantaraan kewangan dijangka kekal menyokong pertumbuhan, disokong oleh institusi kewangan yang kukuh serta pasaran kewangan yang mendalam dan maju. Walaupun keadaan harga yang lemah akan terus memberikan kesan kepada eksport komoditi, eksport Malaysia dijangka disokong oleh pemulihan yang beransur-ansur dalam ekonomi maju dan pertumbuhan yang berterusan dalam ekonomi serantau. Ciri kepelbagaian dalam eksport Malaysia dari segi produk dan pasaran terus menyediakan daya tahan kepada prestasi perdagangan Malaysia.

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 4 - 4.5% pada tahun 2016

Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia dijangka berkembang 4 – 4.5% (2015: 5.0%). Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri dijangka berkembang pada kadar yang lebih sederhana disebabkan pengguna dan pelabur terus membuat penyesuaian terhadap persekitaran ekonomi yang mencabar. Penggunaan swasta diunjurkan berkembang pada kadar di bawah trend purata jangka panjang, apabila pengguna terus membuat pelarasan perbelanjaan sebagai tindak balas terhadap kesan pelaksanaan GST yang berlanjutan, serta perubahan dalam harga ditadbir. Perbelanjaan isi rumah turut dipengaruhi oleh keadaan ketidakpastian dalam pasaran pekerja dan kewangan. Namun, kesan daripada penurunan ini akan diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan yang berterusan dalam pendapatan dan pekerjaan, serta beberapa sokongan daripada langkah-langkah Kerajaan yang menyasarkan peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah. Dalam persekitaran ketidakpastian yang berterusan dan sentimen perniagaan yang berhati-hati, unjuran bagi pertumbuhan pelaburan swasta kurang memberangsangkan berbanding dengan prestasinya sepanjang 5 tahun yang lalu, apabila ia mencatat pertumbuhan pada kadar purata 12.2%. Perbelanjaan modal sektor swasta dijangka disokong oleh projek-projek yang sedang dilaksanakan dan projek-projek pelaburan baharu dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Akaun semasa imbangan pembayaran diunjurkan kekal dalam kedudukan lebihan sekitar 1 – 2% daripada pendapatan negara kasar (PNK), sebahagian besarnya berikutan lebihan yang besar dalam akaun perdagangan. Hasil daripada langkah yang diperkenalkan untuk memudahkan perjalanan dari negara terpilih serta usaha pemasaran dan promosi bersasaran, ketibaan pelancong dijangka dapat meningkatkan pendapatan pelancongan dan

menyumbang kepada defisit yang lebih rendah dalam akaun perkhidmatan.

Inflasi diunjurkan lebih tinggi sebanyak 2.5 – 3.5% pada tahun 2016 (2015: 2.1%), disebabkan terutamanya oleh pelarasan harga terhadap harga ditadbir beberapa barangan dan kadar pertukaran ringgit yang lemah. Walau bagaimanapun, kesan daripada faktor kos ini terhadap inflasi akan diimbangi oleh harga tenaga dan komoditi global yang rendah, inflasi global yang secara amnya lemah, dan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana. Namun, trajektori inflasi boleh menjadi lebih tidak menentu kerana ia tertakluk pada ketidakpastian seperti keadaan yang berkaitan dengan pertumbuhan global, harga minyak global dan kadar pertukaran ringgit.

Unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2016 adalah berdasarkan jangkaan bahawa pertumbuhan global akan meningkat dengan sederhana dan perbelanjaan sektor swasta di dalam negeri yang kukuh. Risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan diakui telah meningkat berikutan meningkatnya ketidakpastian dalam ekonomi global dan dalam negeri. Momentum pertumbuhan di RR China terus menjadi salah satu sumber utama risiko kepada ramalan pertumbuhan, apabila negara itu terus mengimbangi semula ekonominya. Walaupun RR China kekal sebagai salah satu rakan perdagangan utama Malaysia, kemungkinan kesan langsung yang ketara dari RR China adalah terhad memandangkan RR China hanya mencakupi bahagian sebanyak 13% daripada eksport. Walau bagaimanapun, eksport juga boleh terjejas secara tidak langsung sekiranya terdapat kesan limpahan yang ketara daripada perdagangan serantau yang lemah dan kelembapan yang selanjutnya dalam harga komoditi global. Persekitaran ekonomi global yang mencabar ini juga boleh diburukkan lagi oleh ketidakpastian dalam harga minyak global dan turun naik yang tinggi dalam aliran modal dan pasaran kewangan. Di dalam negeri, transmisi dan magnitud kejutan luaran ini merupakan sumber meningkatnya ketidakpastian terhadap sistem ekonomi dan kewangan, terutamanya berkaitan dengan pasaran pekerja, sentimen perniagaan dan aktiviti pengantaraan kewangan.

Pengalaman lalu telah menunjukkan bahawa Malaysia mampu membuat penyesuaian ekonomi dan kewangan untuk menghadapi persekitaran yang mencabar ini. Kekuatan Malaysia terletak pada empat faktor, iaitu asas-asas makroekonomi yang kukuh, struktur ekonomi yang pelbagai, sistem kewangan yang kukuh dan lebih maju, serta instrumen dasar yang teguh. Asas-asas makroekonomi telah disokong oleh pertumbuhan yang mampan antara 4 – 6% selama beberapa tahun, dengan inflasi yang stabil dan pengangguran yang rendah. Kedudukan luaran dijangka kekal menggalakkan, disokong oleh lebihan yang berterusan dalam akaun semasa imbangan pembayaran, FDI yang berterusan dan paras rizab antarabangsa yang teguh.

Pengukuhan struktur yang dilaksanakan selama beberapa tahun lalu telah memberi Malaysia pelbagai sumber pertumbuhan. Ekonomi negara terus berkembang pada kadar yang kukuh pada tahun 2015, meskipun harga komoditi jatuh dengan mendadak dan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang lebih sederhana. Kekukuhan dan kedalaman sektor kewangan juga merupakan satu lagi sumber daya tahan ekonomi. Institusi perbankan yang kukuh dan pasaran kewangan domestik yang mendalam dan maju telah bertindak dengan cekap dan berkesan untuk mengantara kejutan kewangan yang dicetuskan oleh aliran modal yang tidak menentu. Oleh itu, akses kepada pembiayaan kekal tidak terjejas dan terus memudahkan aktiviti ekonomi. Langkah awalan kehematan makro untuk membendung ketidakseimbangan kewangan telah menyediakan ruang yang mencukupi untuk membuat keputusan dasar yang berkesan. Yang penting, pengukuhan fiskal yang lalu telah membolehkan Kerajaan kekal teguh dengan komitmennya terhadap konsolidasi fiskal. Di samping itu, dasar monetari terus kekal akomodatif untuk menyokong pertumbuhan. Secara keseluruhan, pembuat dasar di Malaysia mempunyai keupayaan untuk melaksanakan langkah dasar yang diperlukan bagi mengurus kejutan yang selanjutnya terhadap ekonomi.

Permintaan dalam negeri terus menjadi pemacu utama pertumbuhan

Pertumbuhan **permintaan dalam negeri** diunjurkan menjadi sederhana kepada 4.3% pada tahun 2016 (2015: 5.1%). Ini berikutan jangkaan bahawa ejen ekonomi akan terus membuat pelarasan yang diperlukan untuk menguruskan kesan harga pengguna yang lebih tinggi dan keadaan sektor luaran yang lebih tidak menentu. Permintaan dalam negeri, bagaimanapun, akan kekal sebagai peneraju pertumbuhan, didorong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Mencerminkan komitmen Kerajaan terhadap konsolidasi fiskal,

Sektor-sektor Ekonomi Utama Berkembang

Pada tahun 2016, sektor-sektor ekonomi utama diunjurkan berkembang, pada kadar yang lebih sederhana. Sektor perkhidmatan dan perkilangan akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan keseluruhan, manakala pertumbuhan dalam sektor pembinaan dijangka mampan. Meskipun harga minyak dan gas lebih rendah, pertumbuhan dalam sektor perlombongan akan disokong oleh kapasiti pengeluaran gas yang baharu. Sektor pertanian dijangka mencatat penguncupan yang kecil disebabkan oleh hasil yang lebih rendah akibat fenomena cuaca El-Nino.

Jadual 1

KDNK Benar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (2010=100)

	2015*a*	2015*a*	2016*r*	2015*a*	2016*r*
	% daripada KDNK	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)	
Perkhidmatan	53.5	5.1	4.4	2.8	2.4
Perkilangan	23.0	4.9	4.1	1.1	0.9
Perlombongan dan pengkuarian	8.9	4.7	3.5	0.4	0.3
Pertanian	8.8	1.0	-0.3	0.1	0.0
Pembinaan	4.4	8.2	7.9	0.3	0.3
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.0**	**4.0 ~ 4.5**	**5.0**[1]	**4.0 ~ 4.5**

[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Sektor perkhidmatan akan terus berkembang pada tahun 2016, walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Pertumbuhan dalam subsektor berkaitan penggunaan seperti perdagangan runcit, makanan & minuman dan penginapan dijangka menjadi sederhana seiring dengan pertumbuhan penggunaan swasta yang lebih perlahan. Sebaliknya, subsektor maklumat dan komunikasi dijangka mencatat pertumbuhan yang mantap selaras dengan permintaan terhadap perkhidmatan komunikasi data yang kekal kukuh. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan akan terus berkembang, mendapat manfaat daripada aktiviti perdagangan yang lebih baik. Prestasi subsektor kewangan dan insurans dijangka kekal lemah, sejajar dengan pertumbuhan pinjaman yang lebih sederhana dan aktiviti pasaran modal yang lebih perlahan.

Pertumbuhan sektor perkilangan dijangka menjadi sederhana pada tahun 2016 disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan industri-industri berorientasikan eksport yang lebih perlahan. Permintaan serantau yang dijangka semakin lemah akan memberikan kesan kepada prestasi kelompok berkaitan sumber. Meskipun kelompok elektronik dan keluaran elektrik (E&E) akan terus menyokong pertumbuhan, permintaan yang semakin lemah daripada ekonomi sedang pesat membangun dan kekukuhan dolar AS mungkin akan menjejaskan permintaan global terhadap barangan elektronik. Pertumbuhan industri-industri berorientasikan dalam negeri juga dijangka menjadi perlahan sejajar dengan keadaan permintaan dalam negeri yang lebih lemah.

Momentum pertumbuhan sektor pembinaan diunjurkan menurun sedikit pada tahun 2016. Dalam subsektor kediaman, pertumbuhan diunjurkan kekal sederhana berikutan kelulusan perumahan dan pelancaran harta tanah yang lemah. Prestasi subsektor bukan kediaman dijangka menjadi lebih sederhana berikutan aktiviti pembinaan yang lebih perlahan dalam segmen harta tanah industri dan komersial. Walau bagaimanapun, prestasi keseluruhan sektor pembinaan akan disokong oleh projek kejuruteraan awam baharu dan projek berbilang tahun sedia ada, terutamanya dalam segmen pengangkutan dan petrokimia.

Dalam sektor komoditi, pengeluaran pertanian dijangka mencatat penguncupan yang kecil pada tahun 2016. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh hasil minyak sawit yang lebih rendah berikutan keadaan cuaca panas dan kering ekoran fenomena cuaca El Nino yang kuat. Pertumbuhan sektor perlombongan akan disokong oleh kapasiti pengeluaran gas yang baharu daripada kemudahan pengeluaran LNG Train 9 di Bintulu, Sarawak.

Jadual 4.1

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2010=100)

	2015*a*	2016*r*	2015*a*	2016*r*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)	
Permintaan Dalam Negeri[1]	**5.1**	**4.3**	**4.6**	**4.0**
Perbelanjaan sektor swasta	6.1	5.2	4.2	3.6
Penggunaan	*6.0*	*5.1*	*3.1*	*2.7*
Pelaburan	*6.4*	*5.5*	*1.1*	*0.9*
Perbelanjaan sektor awam	2.1	1.6	0.5	0.4
Penggunaan	*4.3*	*2.0*	*0.6*	*0.3*
Pelaburan	*-1.0*	*1.1*	*-0.1*	*0.1*
Perubahan dalam Stok			**0.6**	**0.0**
Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan	**-3.7**	**1.1**	**-0.3**	**0.1**
Eksport	0.7	3.2	0.5	2.3
Import	1.3	3.4	0.8	2.2
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**5.0**	**4.0~4.5**	**5.0**	**4.0~4.5**

[1] Tidak termasuk stok
a Awalan
r Ramalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pertumbuhan perbelanjaan sektor awam akan kekal sederhana pada 2016, namun akan terus menyokong pertumbuhan keseluruhan.

Perbelanjaan swasta akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, dengan sokongan yang berterusan daripada sektor awam

Pertumbuhan **penggunaan swasta** diunjurkan menjadi sederhana kepada 5.1% pada tahun 2016 (2015: 6.0%), mencerminkan sebahagian besarnya pelarasan isi rumah yang berterusan terhadap persekitaran harga yang lebih tinggi dan ketidakpastian yang lebih ketara. Isi rumah dijangka terus membuat pelarasan perbelanjaan disebabkan kos sara hidup yang lebih tinggi ekoran pelaksanaan GST dan perubahan dalam harga ditadbir bagi beberapa barangan dan perkhidmatan. Selain itu, perbelanjaan isi rumah akan dipengaruhi oleh sentimen pengguna yang lebih lemah disebabkan oleh ketidakpastian keadaan pasaran pekerja, pasaran kewangan dan prestasi ringgit. Kesan negatif ini, bagaimanapun, akan diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga yang berterusan, serta langkah-langkah Kerajaan yang menyasarkan peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah. Langkah-langkah ini termasuk pengurangan caruman KWSP pekerja sebanyak tiga mata peratusan, pindahan tunai Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang lebih tinggi dan pelepasan cukai tambahan sebanyak RM2,000[1].

Penggunaan swasta terus berkembang meskipun isi rumah membuat penyesuaian terhadap kos sara hidup yang lebih tinggi

Meskipun pertumbuhan pada separuh pertama tahun 2016 dijangka menjadi lebih sederhana, perbelanjaan pengguna diunjurkan bertambah baik secara beransur-ansur berikutan kesan GST yang berkurang. Keadaan yang semakin bertambah baik ini akan terus didorong oleh peningkatan upah minimum kebangsaan dan kenaikan gaji kakitangan awam yang berkuat kuasa pada bulan Julai 2016. Perbelanjaan penggunaan juga dijangka disokong oleh harga minyak sawit mentah (MSM) dan getah yang lebih tinggi, terutamanya perbelanjaan oleh isi rumah di luar bandar.

Pasaran pekerja Malaysia secara keseluruhannya dijangka kekal stabil. Walaupun tenaga kerja akan terus berkembang sejajar dengan pertumbuhan penduduk, peningkatan guna tenaga dijangka menjadi sederhana. Risiko berpunca daripada sentimen yang lemah dalam kalangan pencari kerja dan perniagaan, berikutan ketidakpastian dalam prospek harga minyak global dan pertumbuhan global. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri yang sederhana dan sektor luaran yang bertambah baik secara beransur-ansur dijangka terus menyokong pasaran pekerja. Kadar pengangguran mungkin meningkat sedikit tetapi dijangka kekal rendah

[1] Pelepasan cukai ini terpakai pada pembayar cukai individu berpendapatan bulanan RM8,000 atau ke bawah untuk tahun taksiran 2015.

sekitar 3.3 – 3.5% (2015: 3.2%). Meskipun pasaran pekerjaan membuat penyesuaian secara beransur-ansur terhadap keadaan ini, upah akan terus meningkat sejajar dengan perkembangan ekonomi keseluruhan. Kaji selidik tahunan oleh Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (Malaysian Employers Federation, MEF) melaporkan bahawa majikan menjangka kenaikan gaji pada kadar purata sekitar 5.5% pada tahun 2016[2] (2015: 5.7%). Pertumbuhan upah berkemungkinan disokong oleh pertumbuhan upah yang mantap dalam sektor berorientasikan eksport, manakala upah dalam sektor berorientasikan dalam negeri akan terus berkembang dengan sederhana.

Pelaburan swasta akan disokong oleh projek yang sedang dilaksanakan dan projek pelaburan baharu, khususnya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan

Memandangkan persekitaran ketidakpastian yang berterusan dan sentimen perniagaan yang berhati-hati, pertumbuhan **pelaburan swasta** diunjurkan berada di bawah trend purata jangka panjangnya dan berkembang 5.5% pada tahun 2016. Persekitaran harga komoditi yang rendah secara berterusan akan memberikan kesan kepada perbelanjaan modal dalam sektor perlombongan huluan, terutamanya pelaburan yang berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan medan minyak selingan. Namun begitu, perbelanjaan modal sektor swasta akan disokong oleh projek yang sedang dilaksanakan dan projek pelaburan baharu, terutamanya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Dengan pertumbuhan permintaan daripada ekonomi maju yang sederhana, pelaburan dalam sektor perkilangan dijangka didorong oleh peningkatan kapasiti dalam industri perkilangan berorientasikan eksport seperti pengilang-pengilang E&E dan produk berasaskan sumber. Di samping itu, pengilang juga dijangka meningkatkan perbelanjaan modal mereka untuk menyokong penggunaan automasi bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti, berikutan persekitaran perniagaan yang lebih bersaingan.

[2] Sumber: Laporan Kaji Selidik Gaji Eksekutif dan Bukan Eksekutif 2015 oleh MEF.

Dalam sektor perkhidmatan, pelaburan akan dipacu oleh pelaksanaan bagi projek pengembangan kapasiti sedia ada yang berterusan, khususnya yang berkaitan dengan subsektor pelancongan, pengangkutan, penjagaan kesihatan dan telekomunikasi. Secara khusus, pelaburan dalam subsektor telekomunikasi akan dipacu oleh pengembangan infrastruktur untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat di seluruh negara terhadap perkhidmatan internet yang boleh diharap serta berkelajuan tinggi, termasuk pengembangan rangkaian 4G/LTE dan struktur fiber. Projek dalam segmen harta tanah kediaman, bagaimanapun, dijangka terus berkembang pada kadar yang lebih sederhana berikutan kelulusan dan pelancaran perumahan baharu kekal sederhana.

Perbelanjaan sektor awam akan kekal menyokong pertumbuhan keseluruhan

Pertumbuhan **penggunaan awam** dijangka menjadi sederhana kepada 2.0% pada tahun 2016, mencerminkan terutamanya perbelanjaan yang lebih rendah untuk bekalan dan perkhidmatan berikutan komitmen Kerajaan terhadap perbelanjaan yang lebih berhemat dalam persekitaran semasa yang tidak pasti. Walau bagaimanapun, penggunaan awam akan terus memberikan sumbangan positif kepada pertumbuhan keseluruhan, disokong oleh peningkatan emolumen yang berterusan.

Pelaburan awam dijangka kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.1%. Meskipun Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan pengecilan saiz perbelanjaan dan penyusunan semula keutamaan beberapa projek pembangunan, jumlah perbelanjaan untuk aset tetap akan kekal lebih tinggi pada tahun 2016 berbanding dengan tahun sebelumnya. Sementara itu, syarikat awam dijangka meneruskan momentum pelaburan yang positif seperti yang dicatat pada separuh kedua tahun 2015, selepas mencatat pertumbuhan negatif sejak tahun 2014. Ini mencerminkan pelaksanaan projek infrastruktur utama yang berterusan dalam pelbagai sektor, termasuk sektor utiliti, pengangkutan serta minyak dan gas hiliran.

Keluaran Potensi Malaysia

Keluaran potensi dapat diterangkan sebagai keluaran maksimum yang boleh dihasilkan oleh sesebuah ekonomi tanpa memberikan tekanan terhadap harga. Perbezaan antara keluaran sebenar dengan keluaran potensi ialah jurang keluaran, iaitu penunjuk yang berguna untuk menilai tahap penggunaan sumber ekonomi. Walaupun anggaran jurang keluaran tidak boleh dilihat secara langsung dan agak sensitif terhadap spesifikasi model, jurang keluaran merupakan salah satu penunjuk yang sering digunakan oleh pembuat dasar untuk meramalkan inflasi dan membuat keputusan tentang kadar faedah.

Bagi menganggarkan keluaran potensi dan jurang keluaran Malaysia, Bank Negara Malaysia menggunakan tiga pendekatan umum. Pendekatan tersebut termasuk model univariat (penuras Hodrick-Prescott (HP) dan univariate state space), model struktur (fungsi pengeluaran Cobb-Douglas) dan model multivariat (penuras Kalman dan penuras multivariat berasaskan model). Semua pendekatan ini digunakan untuk mendapatkan anggaran purata jurang keluaran. Oleh sebab setiap model ini mempunyai kekuatan dan kelemahannya tersendiri[1], penggunaan gabungan kaedah penganggaran membolehkan perbandingan dan semakan keputusan secara bersilang .

Keluaran Potensi dan Jurang Keluaran pada Tahun 2015-2016

Pada tahun 2015, jurang keluaran Malaysia[2] mengecil kepada +0.21% (2014: +0.32%), dengan potensi pertumbuhan juga meningkat secara sederhana, kira-kira 4.8%. Meskipun pelaburan dalam negeri yang berterusan serta kadar guna tenaga dan kadar penyertaan pekerja yang pada amnya stabil (2015: 67.6%; 2014: 67.5%) terus menyokong keluaran potensi, perkembangan global, iaitu kejatuhan harga minyak global, telah memberikan kesan negatif terhadap keluaran potensi[3]. Dalam hal ini, pertumbuhan keluaran potensi terjejas, terutamanya menerusi saluran pelaburan, apabila firma dalam industri minyak dan gas mengurangkan perbelanjaan modal mereka sebagai tindak balas terhadap kejatuhan harga minyak, menyebabkan pengumpulan modal berlaku pada kadar yang lebih perlahan. Dengan pertumbuhan keluaran potensi meningkat secara sederhana seiring dengan keluaran sebenar (2015: 5%, 2014: 6%), jurang keluaran mengecil pada tahun itu. Selaras dengan jurang keluaran yang lebih kecil ini, inflasi dalam negeri berada pada kadar 2.1% (2014: 3.2%).

Jurang keluaran diramalkan hampir kepada sifar pada tahun 2016, dengan keluaran potensi dianggarkan meningkat kira-kira 4.6% (2015: 4.8%) (Rajah 1). Pengumpulan modal yang berterusan, keadaan guna tenaga yang stabil dan peningkatan produktiviti faktor dijangka menyokong pertumbuhan keluaran potensi. Walaupun pelaburan dalam industri minyak dan gas berkemungkinan kekal lemah pada tahun 2016, pelaburan dalam sektor bukan tenaga dijangka berterusan pada tahun 2016, dengan itu menghasilkan limpahan positif kepada

Rajah 1

Jurang Keluaran, Pertumbuhan Keluaran Potensi dan Sebenar, 1995-2016*r*



r Ramalan

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

[1] Chuah, L.L dan Shahrier, N.A. (2014). Estimating Malaysia's Output Gap: Have We Closed the Gap?, Bank Negara Working Paper Series WP4/2014.

[2] Jurang keluaran ialah keputusan purata yang diperoleh daripada lima kaedah penganggaran, yang termasuk penuras Hodrick-Prescott (HP), univariate state space (USS), fungsi pengeluaran Cobb-Douglas, penuras Kalman multivariat (MVKF) dan penuras multivariat berasaskan model.

[3] Kajian menunjukkan bahawa turun naik harga minyak mungkin mempunyai akibat yang meluas kepada aktiviti ekonomi. Sebagai contoh, lihat Jiménez-Rodríguez, R. dan Sánchez, M. (2004). Oil Price Shocks and Real GDP Growth. Empirical Evidence for Some OECD Countries. ECB Working Paper Series, No. 362 / May 2004.

bahagian ekonomi yang lain. Selain itu, kadar penyertaan pekerja dijangka mampan pada tahun 2016, lantas menyokong pertumbuhan keluaran potensi.

Tekanan permintaan dijangka dapat dibendung. Agregat permintaan diunjurkan meningkat 4.3% berbanding dengan 5.1% pada tahun 2015, selaras dengan sumber yang ada dalam ekonomi. Unjuran inflasi meningkat sedikit kepada 2.5-3.5% (2015: 2.1%), yang akan didorong terutamanya oleh pelarasan beberapa barang harga ditadbir dan kadar pertukaran mata wang yang lemah. Oleh itu, tekanan permintaan dalam negeri dijangka tidak akan menjadi faktor utama yang mendorong inflasi.

Beberapa ketidakpastian masih wujud, seperti yang ditunjukkan dalam penyelerakan (dispersion) carta kipas (Rajah 2). Jurang keluaran berada dalam lingkungan jalur carta kipas yang paling dalam, dengan julat antara -0.46% hingga +0.34%. Berdasarkan ketidakpastian ini, maklumat yang diperoleh daripada industri digunakan sebagai cara untuk membuat penilaian keputusan yang berasaskan model. Berdasarkan kaji selidik dan perbincangan Bank dengan perniagaan, firma dalam sektor berorientasikan eksport secara umumnya berpendirian optimis tetapi berhati-hati berdasarkan keadaan global yang bertambah baik. Namun begitu, risiko luaran seperti kelemahan ringgit dan kelembapan ekonomi China akan terus mempengaruhi keputusan perniagaan firma. Memandangkan prospek berhati-hati ini, firma bersikap memilih dalam membuat keputusan pelaburan dan pengambilan pekerja, dan oleh itu, mereka akan terus melabur hanya dalam bidang yang penting bagi operasi mereka dan mengambil pekerja yang kritikal bagi pengeluaran. Pada keseluruhannya, maklumat ini menunjukkan prospek pertumbuhan yang sederhana dalam keluaran dan keluaran potensi pada tahun 2016.

Rajah 2

Ketidakpastiaan Anggaran Jurang Keluaran, 2016*r*



r Ramalan

Sumber : Anggaran Bank Negara Malaysia

Sektor luaran kekal berdaya tahan

Sejajar dengan unjuran permintaan luar negeri yang bertambah baik, prestasi eksport Malaysia dijangka kekal positif pada tahun 2016. Eksport kasar dijangka berkembang 2.4% pada tahun 2016, disokong oleh peningkatan permintaan yang sederhana daripada ekonomi maju dan pertumbuhan berterusan ekonomi serantau. Harga komoditi yang lemah akan terus menjejaskan eksport Malaysia tetapi kesannya akan lebih kecil berbanding dengan tahun 2015. Pempelbagaian eksport Malaysia yang baik akan terus menyokong pertumbuhan eksport secara keseluruhan.

Akaun semasa imbangan pembayaran akan kekal positif pada tahun 2016

Dengan pertumbuhan menyeluruh dalam keluaran E&E dan bukan E&E, eksport perkilangan diunjurkan mencatat pertumbuhan yang positif. Eksport E&E dijangka terus meraih manfaat daripada pempelbagaian yang progresif dalam sektor ini. Permintaan yang berterusan terhadap separa konduktor untuk pelbagai aplikasi pengguna dan perniagaan dalam industri yang berkembang pesat, seperti peranti mudah alih, sensor automotif dan fotosensitif (photosensitive) berkemungkinan menyokong pertumbuhan eksport E&E. Eksport bukan E&E akan terus berkembang, disokong oleh permintaan serantau yang berterusan terhadap keluaran berasaskan sumber seperti keluaran kimia, petroleum dan getah.

Kelemahan harga keluaran perlombongan yang berpanjangan akan menjejaskan eksport komoditi. Keadaan ini dijangka diburukkan lagi oleh permintaan global yang lembap terhadap komoditi secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, tahap penurunan harga perlombongan tidak mungkin seburuk tahun 2015, justeru, kesan negatif daripada harga komoditi yang lebih rendah terhadap eksport akan menjadi lebih kecil pada tahun 2016. Tambahan lagi, harga MSM dijangka meningkat lebih tinggi berikutan permintaan yang berterusan dan bekalan yang lebih rendah disebabkan oleh hasil yang lebih rendah akibat keadaan cuaca El-Nino. Ini akan memberikan sedikit sokongan kepada eksport komoditi.

Pertumbuhan import kasar diunjurkan meningkat kepada 4.9% pada tahun 2016. Import barangan pengantara, yang membentuk sebahagian besar daripada import Malaysia, dijangka meningkat seiring dengan aktiviti pengeluaran yang kukuh untuk eksport dan penggunaan serta pelaburan dalam negeri. Perkembangan berterusan dalam aktiviti pelaburan dalam negeri, terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan, dijangka menyumbang kepada pertumbuhan import barangan modal yang lebih tinggi. Pertumbuhan dalam kategori import barangan pengantara dan modal mungkin lebih tinggi, sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas tahunan yang rendah pada tahun 2015. Import barangan penggunaan akan mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana, walaupun import makanan dan minuman, yang secara relatif tidak anjal dari segi permintaan, akan terus mendorong pertumbuhan import barangan penggunaan.

Berdasarkan prestasi eksport perkilangan yang mampan dan lebihan imbangan perdagangan komoditi yang berterusan, imbangan perdagangan keseluruhan dijangka terus mencatat lebihan pada tahun 2016. Magnitud lebihan ini, bagaimanapun, akan menjadi lebih kecil. Sebagai pengeksport bersih LNG dan MSM yang besar, harga komoditi ini akan memberikan kesan kepada imbangan perdagangan Malaysia. Harga LNG yang lebih rendah akan menjejaskan

Jadual 4.2

Perdagangan Luar Negeri

	2015*a*	2016*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Eksport kasar	**1.9**	**2.4**
antaranya:		
Perkilangan	6.5	5.6
Pertanian	-2.7	-3.8
Mineral	-20.6	-17.0
Import kasar	**0.4**	**4.9**
antaranya:		
Barangan modal	0.0	8.9
Barangan pengantara	-2.3	4.7
Barangan penggunaan	24.1	3.0
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**94.6**	**79.5**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Peralihan Ke Arah Teknologi Baharu, Meniti Arus Perubahan: Evolusi Industri Elektronik dan Elektrik (E&E) Malaysia

Industri elektronik dan elektrik (E&E) global telah mengalami beberapa perubahan sejak bermulanya alaf baharu. Pertama, RR China muncul sebagai pengeksport E&E terbesar dunia selepas menyertai Pertubuhan Perdagangan Sedunia (World Trade Organisation, WTO) pada tahun 2000, dengan aspirasi untuk mencapai tahap lebih tinggi dalam rantaian nilai dalam masa tersingkat. Kedua, kemajuan yang dicapai dalam pengeluaran peranti pintar dan teknologi tanpa wayar yang lebih moden, sedikit banyak telah menjejaskan pengeluar komputer peribadi (PCs) dan komponen, yang selama ini merupakan salah satu pemacu pertumbuhan utama industri sebelum berlakunya Krisis Kewangan Global (Global Financial Crisis, GFC). Sebaliknya, penggunaan pesat elektronik dalam semua jenis produk, selain komputer peribadi dan peralatan telekomunikasi, telah memberikan sokongan yang lebih besar kepada pengeluar separa konduktor. Ketiga, rantaian penawaran E&E global yang makin tersebar luas juga telah menyebabkan persaingan yang lebih sengit antara ekonomi bagi menarik dan mengekalkan pelaburan langsung asing (FDIs) daripada syarikat multinasional (MNCs). Secara keseluruhannya, perkembangan ini telah mendorong banyak ekonomi dan firma yang terlibat dalam industri E&E untuk menilai semula strategi mereka masing-masing.

Berlatarkan persekitaran ini, industri E&E Malaysia perlu membuat penyesuaian selaras dengan perubahan persekitaran global untuk kekal relevan dan berdaya saing. Tambahan pula, kejatuhan harga komoditi global baru-baru ini telah menarik lebih perhatian terhadap keupayaan eksport E&E Malaysia untuk mengimbangi kesan kelembapan eksport komoditi dan eksport secara keseluruhannya, sambil menyokong pertumbuhan. Pelarasan struktur ini dapat diperhatikan dalam industri E&E tempatan yang telah menjalani pempelbagaian yang berterusan daripada komputer peribadi dan komponen kepada bidang pertumbuhan baharu yang sedang pesat berkembang serta produk yang lebih tinggi dalam rantaian nilai.

Peralihan Ke Arah Teknologi Baharu

Sejak awal tahun 2000-an sehingga krisis kewangan dalam ekonomi-ekonomi maju, pengeluaran dan eksport E&E Malaysia sebahagian besarnya didorong oleh keluaran yang berkaitan dengan industri komputer peribadi dan komponen (Rajah 1). Ini merangkumi perkhidmatan ujian dan pemasangan untuk litar bersepadu (integrated circuits, ICs) hingga kepada pengilangan komponen. Meskipun dapat diperhatikan bahawa krisis kewangan telah menyebabkan **kelemahan kitaran** dalam permintaan terhadap keluaran elektronik, prestasi eksport E&E Malaysia terus terjejas oleh **peralihan struktur** dalam pilihan pengguna daripada komputer peribadi kepada telefon pintar dan tablet. Ditambah pula dengan permintaan yang berterusan lemah daripada ekonomi-ekonomi maju selepas krisis kewangan, Malaysia mencatat pemulihan yang lebih perlahan dalam eksport E&E pada tahun 2012 dan 2013 berbanding dengan rakan serantaunya yang memberikan lebih tumpuan pada pasaran peranti pintar yang sedang berkembang pesat (Rajah 2).

Berdepan dengan peralihan struktur dalam industri ini, banyak firma perkilangan E&E di Malaysia, baik firma multinasional mahupun firma tempatan, memutuskan untuk memberikan tumpuan kepada pempelbagaian daripada segmen komputer peribadi dan komponen kepada segmen yang lebih pantas berkembang dan mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Contohnya, banyak firma dalam industri separa konduktor bagi pemprosesan data, terutamanya firma penyimpanan data, telah memanfaatkan permintaan yang semakin tinggi terhadap pengkomputeran awan (cloud computing), berikutan peningkatan kegiatan yang berkaitan dengan Internet, dengan meningkatkan penglibatan mereka dalam pasaran pelayan pelbagai pengguna (enterprise servers). Satu lagi perkembangan penting ialah penglibatan Malaysia yang semakin aktif dalam industri separa konduktor automotif (Rajah 3). Dengan permintaan yang terus mantap terhadap alat pengesan automotif yang didorong oleh faktor keselamatan dan kecekapan, industri ini dijangka mengalami pertumbuhan jangka panjang yang stabil berbanding dengan segmen telefon pintar dan tablet. Ini dijangka menjadi pemangkin kepada pertumbuhan yang lebih mampan bagi industri separa konduktor Malaysia. Usaha pempelbagaian yang berterusan dalam industri E&E telah meningkatkan keupayaan Malaysia untuk memanfaatkan peningkatan pertumbuhan dalam ekonomi-ekonomi maju.

Meskipun terdapat sokongan yang menggalakkan dalam industri E&E, ruang masih ada bagi pempelbagaian campuran keluaran (product mix) industri separa konduktor Malaysia dalam segmen lain yang berkembang pesat. Contohnya, pada tahun-tahun yang akan datang, penggunaan alat pengesan dan separa konduktor yang semakin meluas dalam pelbagai keluaran industri dan pengguna, disepadukan pula dengan teknologi tanpa wayar dan perisian canggih, yang secara tidak rasmi dikenali sebagai ``Internet of Things (IoT)´´, akan menjadi pemangkin yang kukuh bagi pertumbuhan industri E&E Malaysia. Walaupun masih pada peringkat awal, cakupan keluaran yang

Rajah 1

Pertumbuhan Eksport E&E Malaysia



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 2

Pertumbuhan Eksport E&E bagi Ekonomi-Ekonomi Utama Asia (dalam USD)



Sumber: Global Trade Atlas

Rajah 3

Bahagian Jumlah Jualan Separa Konduktor Malaysia



Sumber: Gartner Dataquest (Disember 2013) dan anggaran Bank Negara Malaysia

luas dalam ruang IoT, yang terdiri daripada keluaran pemakaian, peralatan elektrik biasa dan juga peranti bioperubatan, merupakan peluang pempelbagaian yang menarik untuk peserta separa konduktor Malaysia. Malah, banyak peserta dalam industri ini telah pun mengatur strategi masing-masing dalam bidang pertumbuhan baharu ini.

Menyedari bahawa dasar awam perlu bertindak secara bersepadu dengan pengeluar E&E untuk meraih keuntungan yang terbaik daripada proses pempelbagaian ini, Kerajaan telah melancarkan, antara lain, Pelan Hala Tuju Strategik IoT Kebangsaan dan Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Kebangsaan 2015-2020. Pelancaran pelan-pelan ini menyediakan tumpuan strategik dan rangka kerja untuk memperuntukkan sumber awam bagi menyokong penyertaan yang lebih besar dalam bidang baharu ini. Orientasi semula insentif dan pemilihan lebih teliti ke arah pelaburan dengan nilai ditambah lebih tinggi melengkapkan lagi inisiatif sedia ada untuk mendorong lebih banyak operasi yang dipacu inovasi di Malaysia. Penggubal dasar perlu menjalankan penilaian semula secara berkala terhadap insentif dan dasar sedia ada bagi memastikan Malaysia dapat mengejar gelombang teknologi seterusnya dengan lebih awal untuk menjana faedah ekonomi yang besar. Kerjasama berterusan dengan sektor swasta untuk mengenal pasti dan bertindak balas terhadap trend yang sedang pesat berkembang adalah penting bagi memastikan Malaysia kekal relevan dalam rantaian nilai E&E global. Majlis Eksport Negara juga telah ditubuhkan untuk menerajui dasar yang meningkatkan lagi daya saing eksport Malaysia, termasuk industri E&E.

Meniti Arus Perubahan

Walaupun kebolehsesuaian untuk mendapatkan kedudukan yang strategik dalam segmen pasaran baharu yang pesat berkembang adalah penting bagi memastikan kelebihan daya saing Malaysia dalam industri E&E, ia masih perlu dilengkapkan dengan langkah-langkah yang dapat mengukuhkan asas-asas yang mendasarinya. Peningkatan akses kepada pasaran yang lebih besar dan tarikan tambahan untuk pelaburan langsung asing hasil daripada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (Trans-Pacific Partnership Agreement, TPPA) berkemungkinan besar menarik tumpuan pada keupayaan industri E&E Malaysia untuk memaksimumkan potensinya dalam persekitaran persaingan yang semakin sengit. Dalam hal ini, Malaysia perlu secara serentak memanfaatkan kemajuan yang dicapai dalam usaha memacu automasi dan meningkatkan bekalan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Meningkatkan keupayaan tenaga mahir adalah penting bagi memperdalam kedudukan Malaysia dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta reka bentuk dan pembangunan (D&D). Kedua-dua aktiviti ini penting memandangkan persaingan yang semakin sengit dan ruang yang terhad untuk pertumbuhan dalam segmen nilai ditambah yang lebih rendah. Walaupun kita berjaya menarik peserta E&E global utama untuk meningkatkan lagi pendedahan mereka dalam aktiviti nilai ditambah tinggi di Malaysia melalui pelaksanaan dasar, masih terdapat cabaran yang perlu ditangani sebelum jumlah firma dalam bilangan yang besar dapat dicapai. Walaupun peralihan kepada rantaian nilai yang lebih tinggi dan peningkatan produktiviti berkemungkinan memberikan tekanan kepada peserta yang terlalu bergantung pada operasi berintensifkan pekerja, orientasi semula tumpuan Malaysia pada pelaburan dan kegiatan yang lebih dipacu inovasi adalah penting untuk mencapai ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi.

Tanda-tanda semasa menunjuk kepada masa depan yang lebih cerah dan peranan utama industri E&E dalam ekonomi Malaysia yang pelbagai dengan syarat industri ini terus mengambil langkah yang diperlukan untuk mempertingkat daya saingnya. Memandangkan gangguan teknologi (technological disruption) yang lebih kerap menjadi kebiasaan, keupayaan untuk mengesan perubahan trend dan membuat penyesuaian yang sewajarnya akan menjadi faktor semakin penting yang memberikan kesan kepada daya saing ekonomi yang terlibat dalam industri E&E. Dengan kehadiran Malaysia sebagai peserta utama dalam rantaian nilai global, Malaysia berada pada kedudukan yang strategik untuk meraih manfaat daripada perkembangan positif dalam industri ini.

imbangan perdagangan Malaysia. Namun, kesannya akan diimbangi sebahagiannya oleh harga MSM yang bertambah baik. Dengan import sepadan bagi LNG dan MSM yang kecil, sumbangan kedua-dua komoditi ini kepada imbangan perdagangan Malaysia akan kekal positif. Pada masa yang sama, peningkatan sederhana dalam permintaan global dijangka menjana sumbangan positif yang berterusan kepada prestasi eksport keluaran perkilangan.

Akaun perkhidmatan dijangka mencatat defisit yang lebih kecil. Ini berlandaskan andaian jangkaan bahawa ketibaan pelancong dijangka bertambah baik di samping perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi. Pengenalan e-Visa untuk pelancong dari negara terpilih dan pelonggaran keperluan perjalanan untuk pelancong dari China, berserta usaha promosi yang terus dipergiat untuk industri pelancongan bersasaran seperti perubatan, sukan dan pelancongan halal, dijangka menarik lebih ramai pelancong asing ke Malaysia. Pertumbuhan import perkhidmatan, bagaimanapun, akan dipacu oleh kebergantungan berterusan terhadap pembekal perkhidmatan asing untuk pengangkutan dan perkhidmatan lain seperti perkhidmatan perniagaan dan profesional, sejajar dengan peningkatan aktiviti perdagangan dan pelaburan pada tahun 2016.

Dalam akaun pendapatan primer, keuntungan syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri dijangka lebih rendah, kebanyakannya disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah daripada syarikat minyak dan gas, yang mencakupi lebih satu pertiga daripada pendapatan pelaburan Malaysia di luar negeri. Walau bagaimanapun, ini akan diimbangi sebahagiannya oleh keuntungan yang berterusan daripada pelaburan luar negeri lain. Mencerminkan pertumbuhan yang mampan dalam eksport perkilangan, pendapatan pelaburan yang lebih tinggi dijangka bagi syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia. Secara keseluruhan, ini akan menyebabkan peningkatan defisit dalam akaun pendapatan primer pada tahun 2016. Sementara itu, defisit yang berterusan dalam akaun pendapatan sekunder adalah terutamanya disebabkan oleh jangkaan pengiriman wang keluar yang lebih tinggi, yang lebih daripada mengimbangi jangkaan peningkatan dalam pengiriman wang masuk.

Jadual 4.3

Akaun Semasa bagi Imbangan Pembayaran[1]

Butiran (Bersih)	2015*a*	2016*r*
	RM bilion	
Barangan	108.9	99.5
Perkhidmatan	-20.5	-19.2
Pendapatan primer	-32.2	-38.0
Pendapatan sekunder	-22.2	-23.1
Imbangan akaun semasa	**34.0**	**19.1**
% daripada PNK	*3.0*	*1~2*

[1] Data disusun mengikut Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi Keenam (BPM6) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
a Awalan
r Ramalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Secara keseluruhan, dengan eksport beransur-ansur bertambah baik, eksport bersih barangan dan perkhidmatan diunjurkan memberikan sedikit sokongan kepada pertumbuhan KDNK benar pada tahun 2016. Lebihan akaun semasa mungkin lebih rendah pada RM19.1 bilion atau 1 - 2% daripada PNK, disebabkan oleh lebihan barangan yang lebih rendah dan defisit pendapatan yang lebih besar.

Landskap ekonomi dan kewangan antarabangsa dijangka kekal mencabar pada tahun 2016, dengan sentimen pelabur dipengaruhi oleh risiko prospek pertumbuhan global menjadi lebih perlahan. Oleh itu, Malaysia berkemungkinan berdepan dengan pergerakan aliran modal dua hala yang besar, yang didorong oleh peralihan mudah tunai global yang besar dan tidak menentu. Meskipun dalam keadaan ketidakpastian ini, pasaran kewangan Malaysia yang mendalam dan maju kekal pada kedudukan yang baik untuk mengantara aliran yang sangat tidak menentu ini, sekali gus memastikan pasaran kewangan domestik terus berfungsi dengan teratur dan menyokong ekonomi benar. Keupayaan Malaysia untuk menghadapi kejutan luaran juga akan terus diperkukuh dengan tersedianya penampan yang mencukupi, rangka kerja dasar (policy framework) yang teguh, kebolehsesuaian ekonomi dan ruang dasar yang lebih daripada mencukupi.

PROSPEK INFLASI

Inflasi keseluruhan diunjurkan meningkat kepada 2.5 - 3.5% pada tahun 2016 (2015: 2.1%), disebabkan terutamanya oleh pelarasan harga beberapa barangan harga ditadbir dan kadar pertukaran ringgit yang lemah. Walau bagaimanapun, kesan

daripada faktor kos ini terhadap inflasi akan diimbangi oleh harga tenaga dan komoditi global yang rendah, inflasi global yang pada amnya lemah, serta permintaan dalam negeri yang sederhana. Walau bagaimanapun, trajektori inflasi boleh menjadi lebih tidak menentu dipengaruhi oleh ketidakpastian harga minyak global dan kadar pertukaran ringgit.

Tekanan inflasi daripada pelarasan harga ditadbir dan kadar pertukaran ringgit yang lebih lemah akan diimbangi oleh harga tenaga dan komoditi global yang rendah

Beberapa pelarasan terhadap harga ditadbir telah dilaksanakan sejak bulan Oktober 2015. Pelarasan harga ini merangkumi kenaikan kadar tol lebuh raya dalam bandar dan tambang kereta api serta pengurangan rebat tarif elektrik. Di samping itu, harga rokok meningkat kira-kira 23% pada bulan November berikutan kenaikan duti eksais bagi keluaran tembakau. Oleh sebab kebanyakan pelarasan harga ini dilaksanakan pada akhir tahun 2015, kesan inflasi akan lebih dirasai pada tahun 2016.

Kadar pertukaran ringgit yang lemah dijangka menyumbang kepada tekanan inflasi yang lebih tinggi pada tahun 2016. Kos barangan siap yang diimport akan menjadi lebih tinggi. Bahan mentah dan bahan pengantara yang diimport juga akan menjadi lebih mahal, menyebabkan harga barangan buatan tempatan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kesan keseluruhan kenaikan harga disebabkan oleh kadar pertukaran ringgit yang lebih lemah dijangka tidak ketara kerana barangan pengguna siap yang diimport tidak termasuk bahan api hanya mencakupi 7.2% daripada kumpulan IHP, manakala input pengantara yang diimport hanya mencakupi 20% daripada pengeluaran kasar[3].

Pada tahun 2016, IMF mengunjurkan harga purata minyak global pada USD35 setong[4] (purata 2015: USD51 setong) disebabkan pengeluaran global yang kekal tinggi dalam keadaan pertumbuhan permintaan global yang sederhana. Peningkatan inventori minyak global yang besar, di samping penghapusan sekatan ke atas Iran juga akan menyumbang kepada lebihan bekalan minyak, lantas menambahkan lagi tekanan menurun terhadap harga minyak global. Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Food and Agriculture Organisations of the United Nations, FAO) mengunjurkan harga makanan global juga akan terus menurun pada tahun 2016 memandangkan keadaan bekalan yang menggalakkan dalam keadaan permintaan global yang lebih perlahan. Unjuran harga tenaga dan komoditi yang rendah dijangka mengurangkan tekanan menaik terhadap harga ekoran kadar pertukaran ringgit yang lemah. Sebagai contoh, harga bahan api dalam negeri dijangka kekal rendah pada tahun 2016 disebabkan harga minyak global yang akan terus kekal rendah. Walau bagaimanapun, kesan imbangan daripada harga minyak global yang rendah ini dijangka tidak ketara seperti pada tahun 2015, disebabkan oleh penurunan harga minyak global yang lebih sederhana. Memandangkan harga tenaga dan komoditi global yang rendah dan permintaan dalam negeri yang lemah di beberapa negara rakan perdagangan utama Malaysia, inflasi yang diimport juga dijangka kekal rendah.

Tekanan inflasi yang berpunca daripada faktor permintaan dalam negeri dijangka menjadi sederhana, memandangkan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam perbelanjaan isi rumah berikutan pertumbuhan upah benar yang lebih sederhana. Sementara itu, jurang keluaran dijangka hampir kepada sifar pada tahun 2016. Dengan keadaan permintaan yang lebih sederhana ini, beberapa firma mungkin keberatan untuk memindahkan sepenuhnya peningkatan kos daripada pelarasan harga ditadbir dan kadar pertukaran yang lemah kepada pengguna.

Prospek inflasi pada tahun 2016 dipengaruhi oleh dua risiko. Pertama, trajektori inflasi boleh menjadi tidak menentu disebabkan terutamanya oleh ketidakpastian terhadap pergerakan harga minyak global dan kadar pertukaran ringgit. Ketidakpastian ini akan mempengaruhi inflasi terutamanya melalui kesannya terhadap harga bahan api dalam negeri. Kedua, perubahan kadar pertukaran ringgit juga boleh memberikan pelbagai kesan kepada harga barangan dan perkhidmatan yang diimport.

[3] Dianggarkan berdasarkan Jadual Input-Output Malaysia 2010.

[4] Harga purata bagi minyak mentah Dated Brent, West Texas Intermediate (WTI) dan Dubai Fateh, dengan wajaran yang sama, seperti yang diunjurkan oleh Unjuran Harga Komoditi Utama IMF pada bulan Februari 2016.

Kesan pindahan daripada perubahan dalam kadar pertukaran kepada kadar inflasi dalam negeri adalah sangat tidak menentu dan bergantung pada keadaan ekonomi semasa serta tingkah laku firma dan isi rumah.

DASAR MONETARI

Dasar monetari pada tahun 2016 akan memberikan tumpuan pada usaha memastikan keadaan monetari kekal menyokong pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang mampan berserta kestabilan harga. Usaha ini berdepan dengan persekitaran dasar yang mencabar, yang bercirikan jangkaan pertumbuhan dalam negeri yang lebih sederhana, inflasi keseluruhan yang lebih tinggi dan tahap ketidakpastian persekitaran global dan dalam negeri yang tinggi. Khususnya, terdapat risiko pertumbuhan global menjadi lebih perlahan berikutan kelemahan keadaan ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun, ketidakpastian terhadap prospek harga tenaga dan komoditi, serta jangkaan turun naik yang berterusan dalam pasaran kewangan antarabangsa. Implikasi perkembangan ini terhadap prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri akan dipantau dengan rapi sepanjang tahun 2016. Di samping itu, dasar monetari juga akan terus menitikberatkan risiko ketidakseimbangan kewangan.

Dasar monetari pada tahun 2016 akan memberikan tumpuan pada usaha memastikan keadaan monetari kekal menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan berserta kestabilan harga

Dalam keadaan persekitaran global yang mencabar, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang pada kadar yang lebih sederhana antara 4.0% hingga 4.5% pada tahun 2016, dipacu oleh permintaan dalam negeri yang didorong sektor swasta. Inflasi keseluruhan dijangka berada antara 2.5% hingga 3.5% pada tahun 2016. Inflasi yang lebih tinggi berbanding tahun 2015 akan dipacu terutamanya oleh pelarasan naik harga ditadbir dan kadar pertukaran ringgit yang lemah. Namun, keadaan ini sebahagiannya akan diimbangi oleh harga tenaga dan komoditi global yang terus rendah.

Ketidakpastian dalam pergerakan kadar pertukaran ringgit dan harga tenaga global, bagaimanapun, merupakan risiko kepada prospek inflasi. Namun, inflasi asas dijangka kekal stabil secara relatif berikutan keadaan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana.

Prospek asas bagi pertumbuhan dalam negeri dan inflasi bergantung pada risiko sepanjang tahun ini, berikutan tahap ketidakpastian yang tinggi dalam persekitaran luar dan dalam negeri. Oleh itu, tumpuan Jawatankuasa Dasar Monetari adalah untuk memastikan pendirian dasar monetari terus konsisten dengan pencapaian kestabilan harga dan pertumbuhan yang mampan berikutan risiko yang berubah-ubah dalam ekonomi global dan dalam negeri. Selain itu, berdasarkan jangkaan bahawa aliran luaran akan mengalami turun naik yang berterusan, operasi monetari Bank akan memberikan tumpuan pada usaha memastikan mudah tunai domestik terus mencukupi dalam sistem kewangan bagi menyokong pasaran kewangan domestik berfungsi dengan teratur.

DASAR FISKAL

Dasar fiskal pada tahun 2016 akan terus tertumpu pada konsolidasi fiskal dalam keadaan persekitaran luar dan dalam negeri yang mencabar. Bajet 2016, yang dibentangkan pada bulan Oktober 2015, diubah suai pada bulan Januari 2016 untuk mengambil kira jangkaan penurunan harga minyak global[5], yang akan mempunyai implikasi terhadap hasil Kerajaan. Pengubahsuaian ini melibatkan pelaksanaan langkah-langkah berhemat dan awalan bagi menyusun semula keutamaan perbelanjaan Kerajaan. Langkah ini disokong oleh langkah-langkah pengurangan kos dalam perbelanjaan mengurus dan penyusunan semula keutamaan perbelanjaan pembangunan. Langkah-langkah untuk mempelbagaikan sumber hasil[6] juga telah diperkenalkan bagi mempertingkat kutipan hasil. Oleh itu, sasaran defisit fiskal Kerajaan bagi tahun 2016 kekal pada 3.1% daripada KDNK (2015: 3.2%) seperti yang diumumkan pada bulan Oktober 2015.

[5] Andaian harga minyak global telah disemak antara USD30 - USD35 setong (Bajet 2016: USD48 setong).

[6] Ini termasuk pengagihan semula dan bidaan untuk spektrum telekomunikasi, penguatkuasaan cukai yang ketat ke atas penjualan rokok, minuman keras dan kenderaan import di pulau bebas cukai serta memperkemas sistem levi pekerja asing.

Jadual 4.4

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	RM bilion			Perubahan %		
	2015	2016*s*		2015	2016*s*	
Harga minyak	52	30	35			
Hasil	219.1	216.3	217.9	-0.7	-1.3	-0.5
Jumlah perbelanjaan	257.8	255.7	257.2	-0.5	-0.8	-0.2
Perbelanjaan mengurus	*217*	*210.7*	*211.2*	*-1.2*	*-2.9*	*-2.7*
Perbelanjaan pembangunan kasar	*40.8*	*45.0*	*46.0*	*3.2*	*10.4*	*12.8*
Terimaan balik pinjaman	1.5	0.8	0.8			
Imbangan keseluruhan	**-37.2**	**-38.7**	**-38.5**			
% daripada KDNK	**-3.2**	**-3.1**	**-3.1**			
Sumber pembiayaan:						
Peminjaman dalam negeri bersih	38.9	-	-			
Peminjaman luar negeri bersih	0.7	-	-			
Harta boleh jual[1] dan pelarasan	-0.2	-	-			

[1] Tanda negatif (-) menunjukkan pertambahan dalam aset
s Pengubahsuaian / semakan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Meskipun persekitaran ekonomi lebih mencabar, Kerajaan akan terus melaksanakan langkah-langkah pembaharuan fiskal untuk mengukuhkan lagi kedudukan fiskal Kerajaan. Antaranya termasuk langkah-langkah untuk mengawal peningkatan perbelanjaan mengurus, yang merangkumi rasionalisasi subsidi dan pengurangan perbelanjaan tidak kritikal untuk bekalan dan perkhidmatan, serta pembelian aset. Bahagian perbelanjaan mengurus sebagai peratusan daripada KDNK dijangka menurun kepada kira-kira 17% pada tahun 2016 berbanding dengan 18.8% pada tahun 2015. Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST) telah menambah sumber pendapatan Kerajaan. Pelaksanaan ini akan membantu mengurangkan kehilangan hasil ekoran harga minyak yang lebih rendah dan mengurangkan kebergantungan pada hasil berasaskan komoditi yang amat tidak menentu. Sumbangan hasil berkaitan minyak kepada jumlah keseluruhan hasil telah menurun kepada 21.5% pada tahun 2015 berbanding dengan 30% pada tahun 2014. Penurunan ini dijangka berterusan kepada antara 13% dan 14% pada tahun 2016.

Jadual 4.5

Langkah-langkah Pelarasan Fiskal yang Diumumkan dalam Pengubahsuaian Bajet 2016

		RM bilion
Langkah pengoptimuman perbelanjaan		**9.0***
1	Pengurangan sebanyak 2 – 5% daripada peruntukan asal untuk bekalan dan perkhidmatan	1.7
2	Rasionalisasi pemberian dan serahan	1.0
3	Subsidi lebih rendah untuk LPG dan diesel	1.0
4	Penangguhan pembelian aset	0.2
5	Menyusun semula keutamaan pelaksanaan perbelanjaan pembangunan	5.0

*Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Ucapan Perdana Menteri pada 28 Januari 2016

Sumber fiskal pada tahun 2016 akan diberikan keutamaan kepada projek infrastruktur berimpak tinggi yang mempunyai kesan pengganda[7] yang lebih besar. Ini juga selaras dengan matlamat Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang menentukan keutamaan pembangunan Kerajaan bagi tempoh lima tahun akan datang (2016-2020). Perbelanjaan Kerajaan akan disalurkan ke arah usaha menambah baik kesalinghubungan dan infrastruktur, membina sistem pengangkutan awam yang cekap serta mempertingkat teknologi dan telekomunikasi,

[7] Ini termasuk pelaburan strategik seperti Pusat Bandar Siber, KLIA Aeropolis dan Iskandar Malaysia.

Rajah 4.3

Imbangan Fiskal dan Hutang Kerajaan Persekutuan



s Pengubahsuaian / semakan

Nota: Hutang luar negeri merujuk kepada peminjaman luar pesisir dan pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin (Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Bil-bil Perbendaharaan dan lain-lain)

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

yang akan meningkatkan kapasiti produktif dalam ekonomi. Penekanan ke arah memastikan pertumbuhan yang inklusif dan mampan akan terus diberikan melalui peningkatan kebajikan. Sokongan sosioekonomi kepada segmen berpendapatan rendah dan sederhana akan terus disediakan bagi mengekalkan keupayaan golongan ini menampung kos sara hidup[8] yang meningkat dan menyokong penggunaan swasta.

Dalam jangka sederhana, pembaharuan fiskal yang berterusan akan kekal sebagai elemen utama dalam agenda transformasi ekonomi Kerajaan. Pengukuhan kewangan awam ialah salah satu penunjuk asas daya tahan ekonomi. Kedudukan fiskal yang kukuh menyediakan ruang untuk dasar makroekonomi kitaran timbal balas (counter-cyclical) yang lebih berkesan, dan menyokong usaha Kerajaan dalam inisiatif pembangunan negara. Bagi tujuan ini, penambahbaikan Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana yang berterusan adalah penting untuk menyokong Jawatankuasa Dasar Fiskal memastikan peranan dasar fiskal Kerajaan yang mampan dan berkesan.

[8] Antaranya termasuk kenaikan gaji minimum kebangsaan, kenaikan dalam pelbagai bantuan fiskal dan pelepasan cukai pendapatan bagi golongan berpendapatan sederhana. Pengubahsuaian Bajet melengkapkan lagi langkah-langkah ini dengan pengurangan sementara caruman bahagian pekerja dalam KWSP dan pelepasan cukai khas untuk pembayar cukai individu berpendapatan bulanan RM8,000 dan ke bawah bagi tahun taksiran 2015.